

## 17 organisasi hotel sertai kejohanan sukan MAH

**SENAI** – Saingan pengurusan perhotelan tidak hanya tertakluk kepada menawarkan perkhidmatan terbaik buat pelanggannya, apabila ia diterjemah dalam semangat kesukanan.

Kejohanan Sukan Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH) itu disertai 17 organisasi hotel bertempat di Le Grandeur Palm Resort dan Kompleks Belia dan Sukan, baru-baru ini.

Pengerusi MAH Negeri, Tengku Ahmad Faizal Tengku Mohamed berkata, menerusi acara dipertandingkan, ia dapat membentuk usahasama lebih mantap antara hotel dan secara tidak langsung dapat membantu membangunkan sektor pelancongan negeri ini.

“Setiap pasukan bersatu dalam setiap penyertaan selaras dengan tema sukan tahun ini iaitu Hoteliers Unite.

“Malah mereka dilihat seronok sepanjang program berlangsung,” katanya.

Sebanyak tujuh acara sukan dipertandingkan termasuk sepak takraw, bowling, bola jaring, bola tampar, futsal, ping pong, dan badminton.

Pasukan dari Pulau Group berjaya muncul juara dengan mengumpul 16 mata keseluruhan termasuk dua pingat emas dan tiga pingat gangsa, sekali gus membawa pulang piala pusingan Sukan Persatuan Hotel-hotel Malaysia.

Tempat kedua dimenangi Le Grandeur Palm Resort dan Kumpulan SFS di tempat ketiga.



Pasukan Pulau Group bersorak selepas berjaya muncul sebagai juara keseluruhan.